

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 9 JUN 2014

RUJUKAN : 6804

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kekosongan jawatan dalam PDRM setiap tahun dari 2008 hingga kini mengikut pecahan bahagian PDRM dan bilangannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Perancangan Strategik PDRM telah mengunjurkan gunatenaga yang diperlukan menjelang tahun 2015 adalah berjumlah 40% perjawatan terdiri pegawai kanan dan 60% perjawatan terdiri daripada anggota pangkat rendah bagi mencapai objektif transformasi modal insan kearah menjadikan PDRM sebagai “*World Class Policing*” dan mencapai “*Government Transformation Programme (GTP)*”.

Kekosongan jawatan dalam PDRM adalah disebabkan persaraan wajib, bersara secara pilihan sendiri dan bersara atas sebab kesihatan, berhenti kerja, meninggal dunia dan termasuk juga sebilangan kecil yang dibuang kerja.

Statistik kekuatan dan kekosongan anggota polis beruniform bagi seluruh negara sejak tahun 2008 sehingga 2013 adalah seperti berikut:-

BIL	TAHUN	KEKUATAN	KEKOSONGAN
1	2008	100,735	6,020
2	2009	103,618	3,837
3	2010	105,929	1,710
4	2011	109,969	2,196
5	2012	111,868	3,921
6	2013	112,583	4,511